

17/12/1997

PM puas hati hasil sidang

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan beberapa keputusan, resolusi dan cadangan yang dicapai pada Sidang Kemuncak Asia Timur Pertama, membabitkan Asean dan tiga rakan dialog - Jepun, China dan Korea Selatan.

Menurut Perdana Menteri, selain berjaya mengeratkan rantau ini untuk bersama menangani masalah kewangan yang menggugat beberapa negara Asia, ia juga menyedarkan mereka mengenai masalah itu.

"Apa yang menarik, ada suatu perasaan perpaduan kerana hampir semua negara terbabit hadir dari nukleus yang sama dan menderita akibat sejenis penyakit berpunca daripada virus yang sama.

"Jadi, ada hasrat untuk bertemu lagi. Ada desakan kuat untuk mengadakan pertemuan itu lebih awal, mungkin tahun depan," kata Dr Mahathir yang mempengerusikan sidang itu.

Perdana Menteri berkata demikian dalam sidang akhbar di akhir persidangan itu, di sini petang ini.

Ditanya sama ada pemimpin Asean sudah menemui cara untuk menyelesaikan kegawatan ekonomi dan adakah beliau berasa lebih optimistik berbanding sebelum ini, Perdana Menteri berkata:

"Saya berasa lebih optimistik sekarang kerana lebih ramai orang kini faham mengenai masalah yang dihadapi. Sebelum ini terdapat kecenderungan untuk menafikan masalah dan berasa ia akan selesai tidak lama lagi... Seperti sesuatu yang ajaib tetapi sukar untuk dilakukan.

"Apabila anda kerugian berbilion dolar, anda tidak akan memilikinya semua dalam tempoh tertentu. Ada orang berkata masalah ini akan selesai tidak lama lagi dan kita akan melihat ke belakang dan menganggap ia sebagai satu pengalaman aneh.

"Tetapi sekarang mereka lebih memahami dan sedar bahawa ia tidak akan selesai dengan begitu mudah," katanya.

Menjawab soalan, Dr Mahathir berkata pemimpin Asean dan rakan-rakan dialognya tidak mampu untuk melakukan lebih daripada mengemukakan cadangan dan cuba mencari penyelesaian melalui kerjasama serantau yang lebih erat.

"Kita menghadapi orang yang tidak menerima kritikan dengan terbuka, jika ada yang cuba melakukan sesuatu, keadaan akan menjadi lebih buruk.

"Apa yang mereka (pemimpin Asean) lakukan sekarang adalah cukup baik, sekurang-kurangnya bagi saya. Saya tidak fikir orang lain boleh melakukan lebih daripada ini kerana kita kini dilanda perasaan bimbang, takut bercakap sesuatu yang salah dan akan membawa kesan (buruk).

"Jadi jangan bercakap walaupun anda berasa perlu menyuarakannya... Saya tidak berkata apa-apa sekarang," tegasnya.

Ditanya sama ada Asean berasa bahawa Jepun dan China ikhlas ketika mengumumkan kesediaan untuk membantu Asean menangani kegawatan ekonomi sekarang, Perdana Menteri berkata:

"Saya tidak boleh membaca fikiran mereka tapi apa yang disuarakan adalah cukup untuk menyakinkan saya," katanya.

Perdana Menteri turut menafi Malaysia menyekat negara Asean lain untuk meminta bantuan Amerika Syarikat dan Eropah: "Kami tidak membantah, kerana kami tidak berhak melakukan demikian.

"Anggota Asean cuma berkata negara-negara itu patut menghulur bantuan kewangan. Kami tidak meminta. Kalau boleh tolonglah," katanya.

(END)